

Pengajaran bermakna rai Aidilfitri dalam normal baharu

**Prof Madya
Dr Abdul
Ghfar Don**



Pensyarah Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam (FPI), UKM

Istilah kebiasaan baharu mula menjadi sebutan orang ramai apabila Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa rakyat supaya membiasakan diri dengannya dalam situasi berhadapan COVID-19.

Hari ini kita semua sudah mula biasa dengan norma baharu apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mula dilaksanakan di seluruh negara sejak 18 Mac lalu. Kalam dahulu orang pergi ke pejabat untuk bekerja. Hari ini, kita bekerja dari rumah, bermesyuarat dari rumah dengan menggunakan pelbagai aplikasi secara maya.

Aidilfitri yang disambut tahun ini turut mengalami situasi sama seperti kehidupan kita kebelakangan ini termasuk Ramadan. Tahun ini, Aidilfitri disambut dengan cara sama sekali tidak pernah berlaku sebelum ini. Kita semua tidak menjangka dan tidak pernah membayangkan kita terpaksa menyambut hari raya dengan kebiasaan baharu.

Tidak dapat pulang berhari raya di kampung halaman yang

menjadi tradisi masyarakat kita sejak zaman-berzaman. Sambutan dan aktiviti ziarah pun hanya boleh pada hari pertama dan itupun dalam kalangan keluarga terdekat sahaja serta dengan had 20 orang pada satu-satu masa.

Rumah terbuka yang menjadi amalan masyarakat Muslim di negara ini juga tidak lagi dapat diadakan. Semua ini menuntut kesabaran kita semua untuk kebaikan semua orang.

Kesabaran, berdaya tahan dan disiplin sesuatu dituntut Islam. Hidup kita sentiasa diuji seperti firman Allah SWT: *"Maha Suci Allah yang menguasai (segala) kerajaan, dan Dia Yang Maha Kuasa atas segala sesuatu. Yang menciptakan mati dan hidup untuk menguji siapa antara kamu yang lebih baik amalnya. Dia Maha Perkasa Lagi Maha Pengampun."* (Al-Mulk: 1-2)

Ujian menghadapi wabak COVID-19 menuntut kita menghayati kesabaran, kecekalan dan disiplin tinggi agar kita dapat bertahan serta membiasakan diri dengan norma baharu.

Sabar ialah kunci kejayaan. Al-Quran menganjurkan supaya bersabar dalam menghadapi dugaan, ujian, kesusahan dan malapetaka seperti firman Allah SWT: *"Dan sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikallah berita gembira kepada orang sabar."* (Al-Baqarah: 155)

Penegasan al-Quran menge-

nai kelebihan bersabar ini relevan dengan suasana ketika kita menghadapi pandemik COVID-19 yang mengancam kesihatan dan nyawa manusia. Justeru, kesabaran kita dalam membiasakan diri dengan norma baharu akan menyelamatkan nyawa ramai manusia lain dan juga mampu menghindarkan diri serta orang lain daripada dijangkiti COVID-19.

Berbalik kepada sambutan Aidilfitri tahun ini, ia sudah pasti menuntut kesabaran kita semua berhadapan dengan suasana dan normal baharu. Tidak ada lagi solat sunat Aidilfitri secara beramal-ramai di masjid dan surau, tidak ada lagi kunjung-mengunjung seperti kebiasaan, rumah terbuka dan amalan kebiasaan lain berkait hari raya.

Kita menyambut dengan normal dan suasana baharu tetapi tetap memberi makna. Kita masih lagi boleh bertakbir raya mengagungkan kebesaran Allah di rumah, mengadakan solat hari raya di rumah, memakan juadah hari raya dengan ahli keluarga seperti biasa walaupun di luar kebiasaan.

Semua ini masih boleh diraikan pada hari raya dalam suasana dan normal baharu yang sudah tentu memberikan pengajaran dan pengalaman begitu bermakna yang pasti tidak akan kita lupakan sepanjang hidup.

Selamat berhari raya, mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita semua. Kekal di rumah dan kekal sihat dengan normal baharu di hari raya.

